

# RAHSIA AL-QURAN - DARI SEGI ILMU DAN FALSAFAH

## SIFAT-SIFAT ORANG YANG TAQWA

Di dalam bulan Ramadhan yang mulia ini, elok rasanya disajikan di sini ayat-ayat suci yang menjadi makanan ruh, yang menggambarkan dengan jelas sifat-sifat orang yang taqwa. Apatahlagi tujuan “puasa” yang utama sekali ialah mendidik jiwa kepada bertaqwa sebagaimana firman Allah Azza Wa Jalla: *Yā ayyuhalladhīna āmanū kutiba ‘alaykum al-siyāmu kamā kutiba ‘alalladhīna min qablikum la’allakum tattaqūn*. Ertinya : “Hai orang-orang yang beriman! Difardhukan atas kamu puasa, sebagaimana telah difardhukan atas orang-orang yang terdahulu daripada kamu; mudah-mudahan kamu bertaqwa.” Yakni mudah-mudahan kamu mendidik diri mengerjakan suruhan Allah dan mengawal diri daripada melanggar larangan-Nya.

(Oleh ‘Abdullāh Basmeh)

Sifat-sifat orang yang taqwa telah diterangkan oleh Allah Azza Wa Jalla dengan jelasnya:

*Wa sāri’ū ilā maghfirātin min rabbikum wa jannatin ‘arḍuhā al-samāwātu wa al-arḍu u’iddat lilmuttaqīn.*

*Alladhīna yunfiqūna fi al-sarrā’i wa al-ḍarrā’i wa al-kāzimīn al-ghayḥa wa al-‘āfīna ‘ani al-nāsi wa Allāhu yuḥibbu al-muḥsinīn.*

*Wa alladhīna izā fa’alū fāhishatan aw ḥalamū anfusahum zakarū Allāha fastaghfarū lizunūbihim wa man yaḡfiru al-zunūba illa Allāhu wa lam yusirru ‘alā ma fa’alū wa hum ya’lamūn.*

*Ulā’ika jazāuhum maghfiratun min rabbihim wa jannātun tajrī min taḥtiha al-anhāru khālīdīna fihā wa ni’ma ajru al-‘āmilīn.*

*Qad khalat min qablikum sunanun fasīrū fi al-arḍ fanzurū kayfa kāna ‘āqibatu al-mukazzibīn.*

*Hāzā bayānun linnasi wa hūdan wa maw’izatun lilmuttaqīn.* 133

– 138. Alī Imrān.

Ertinya: “Bersegeralah kamu kepada keampunan Tuhan kamu dan syurga; luasnya seluas (tujuh petala) langit dan

bumi, disediakan bagi orang-orang yang taqwa.

“Iaitu: Orang-orang yang membelanjakan hartanya dalam masa suka dan duka (dalam masa lapang dan sempit), dan orang-orang yang sabar menahan marah, serta orang-orang yang memaafkan kesalahan manusia. Allah mengasihi orang-orang yang berbuat kebaikan itu.

“Mereka itu, apabila berbuat kejahatan, atau menganiayai diri, segeralah mereka mengingatkan Allah, lalu meminta ampun akan dosa mereka (kerana sudah tetap) tiadalah yang mengampunkan dosa melainkan Allah. Mereka itu juga tiada berkekalan di atas perbuatan yang salah itu ketika mereka mengetahui.

“Balasan mereka itu mendapat ampun daripada Allah, dan masuk syurga yang mengalir air sungai di dalamnya, serta kekal mereka di dalamnya, yang demikian ialah sebaik-baik pahala bagi orang-orang yang beramal.

“Sesungguhnya telah lalu sebelum kamu beberapa peraturan Allah, maka mengembaralah kamu di muka bumi ini, dan perhatikanlah

bagaimana akibatnya orang-orang yang mendustakan agama.

“Quran ini ialah penerangan bagi manusia, dan menjadi petunjuk serta pengajaran bagi orang-orang taqwa”.

Ayat-ayat yang suci mulia ini telah dihuraikan dengan panjang lebar oleh al-‘Allamah al-Shaykh Muḥammad Muṣṭafa al-Murāghī, terutama tentang keampunan Tuhan Azza Wa Jalla, luasnya syurga itu, tempatnya, wujudnya, berbelanja pada jalan Allah, rahsia sifat-sifat orang yang taqwa dan seterusnya sebagaimana yang dipaparkan di bawah ini:

#### Keampunan Tuhan

Maksud firman-Nya: “Bersegeralah kamu kepada syurga yang luasnya seluas tujuh petala langit dan bumi”, ialah menyuruh bersegera mendapatkan sebab-sebab yang membawa kepada keampunan Tuhan dan syurga-Nya.

Segala sebab tersebut meskipun banyak jenisnya tetapi semuanya adalah berbalik kepada taat kepada Allah dan rasul-Nya, serta kepada iman dan amal soleh, sebagaimana yang diterangkan oleh Allah Azza Wa Jalla:

“*Wa athī’ū Allāh wa al-Rasūl la’allakum turḥamūn*”. (Taatlah kamu kepada Allah dan rasul, mudah-mudahan kamu mendapat rahmat).

Dan firman-Nya lagi: “*Man ‘amila ṣālihan min zakari aw unsa wa huwa mu’minun falanuhyiyannahū hayat tayyibah walanujziyannahum ajruhum bi aḥsani mā kānū ya’lamūn*”. (Barang siapa beramal soleh, baik lelaki atau perempuan hal keadaannya beriman, maka kami akan menghidupkan dia dalam kehidupan yang baik serta kami balas mereka dengan sebaik-baik apa yang mereka telah kerjakan).

#### Luas Syurga

Di dalam ayat suci tadi ada diterangkan bahawa lebar syurga itu seluas tujuh petala langit dan bumi.

Harus maksudnya yang sebenar ialah hendak menggambarkan

luasnya syurga itu seluas-luas benda yang diketahui oleh manusia. Yang disebutkan itu ialah lebarnya, maka tentulah pula panjangnya lebih lagi.

#### Tempat Letaknya

Menurut makna yang pertama bagi ayat tersebut, tentulah syurga itu tidak terletak di dalam kawasan langit dan bumi bahkan mestinya terletak di luar daripada keduanya. Sementelah pula tak ada sesuatu yang menjadi halangan bagi kepercayaan yang demikian, kerana benda-benda yang dijadikan oleh Allah ada yang lebih luas daripada langit dan bumi.

Menurut makna yang kedua pula, maka sahlah jika syurga itu terletak di langit atau di luarnya. Kita, kata al-‘Allamah al-Murāghī, tidaklah mesti mengetahui letak syurga dan tempatnya. Adakah di dalam alam ini atau di luarnya? Dan tidak mesti kita mengetahui akan rupa dan bentuknya, tetapi yang mustahak dan berfaedah kepada kita ialah mengetahui jalan-jalan yang membawa kepada syurga itu.

Apatah lagi Tuhan Azza Wa Jalla telah menerangkannya, sebagaimana juga telah diterangkan setengah sifat-sifat syurga itu yang akan menjadi penarik dan penggalak kepada mencapainya.

#### Wujudnya

Di dalam ayat itu juga Tuhan menerangkan: “*U’īdat lil muttaqīn*” (syurga itu disediakan bagi orang-orang yang taqwa).

Menurut zahirnya, ayat tersebut menunjukkan wujud syurga itu sekarang ini. Tetapi harus ayat ini mempunyai pengertian bahawa syurga itu belum wujud. Seperti yang dapat difahami daripada firman Allah Ta‘ālā yang bermaksud: “Dan ditiuplah sangkakala maka pengsanlah (matilah) orang-orang yang di langit dan bumi”. Pada hal kejadian ini belum berlaku lagi. Kaedah ini menunjukkan bahawa syurga belum wujud lagi sekarang.

Pendeknya, kata al-‘Allamah al-Murāghī, membahaskan perkara ini tidak ada faedahnya, yakni orang Islam diwajibkan

(sambungan pada muka 33)

(Sambungan daripada muka 8)

beriman dengan syurga, tetapi tentang syurga itu sudah wujud atau belum, dan tempatnya adakah di langit atau di bumi atau pun di luar daripada keduanya tidaklah diberati kita mengetahuinya.

### Berkhairat atau Berderma

Di dalam ayat yang tersebut Tuhan Azza Wa Jalla telah menerangkan setengah daripada sifat-sifat orang yang taqwa iaitu: “Orang-orang yang membelanjakan wangnya (berderma) dalam masa lapang dan dalam masa sempit”. Selain daripada itu di dalam ayat ini diterangkan beberapa sifat mereka lagi, seperti menahan marah, memaafkan kesalahan orang, dan berihisan.

Di dalam permulaan surah al-Baqarah Tuhan telah mensifatkan orang-orang yang taqwa ialah: “Mereka yang beriman kepada yang ghaib, mengerjakan sembahyang, membelanjakan sebahagian daripada harta benda yang dikurniakan Allah, beriman dengan kitab-kitab yang telah diturunkan Allah kepada sekalian Nabi-nabi, serta berhati yakin akan hari akhirat. Dan banyak lain-lain ayat lagi yang menerangkan sifat-sifat mereka dengan jelasnya.

### Al-Quran dan Soal Berkhairat

Islam telah mengambil berat dengan bersungguh-sungguh tentang soal bersedekah dan berkhairat. Al-Quran al-Karim di dalam banyak ayatnya telah memberi galakan dalam perkara itu, terutama di dalam surah al-Baqarah. Di sana diterangkan bersedekah atau berkhairat wajiblah ia sunyi daripada mengungkit-ungkit atau menyakiti orang-orang yang berhak menerimanya dan hendaklah pula daripada pencarian yang halal dan bukan daripada harta haram.

Di dalam al-Hadith al-Sharīf pula tersebut: “*Alā kulli muslim sadaqah qīla: Fain lam yajid? Qala: Ya ‘mal wa yatasaddaq.*”

Ertinya: “Tiap seorang Islam hendaklah bersedekah. Orang pun bertanya: Kalau tidak dapat? Maka Rasulullah menjawab: Hendaklah ia bekerja dan bersedekah.”

Di dalam suatu hadis yang lain, Nabi bersabda: “*Ittaqu al-nār wa law bishaq tamratan.*”

Ertinya: “Kawallah diri kamu daripada azab neraka walaupun dengan setengah biji buah kurma.”

Ajaran al-Quran dan al-Sunnah yang demikian adalah mempunyai satu tujuan iaitu supaya perbuatan bersedekah dan berkhairat menjadi salah satu daripada akhlak orang Islam dan adat kebiasaan mereka.

### Faedah Berkhairat

Tidak syak lagi, bahawa bersedekah, berderma atau berkhairat itu menurut jalan yang tersebut adalah menguatkan perikatan orang-ramai di antara satu dengan lain, membaiki hal-ehwal kumpulan-kumpulan ramai, menjadikan masyarakat berbahagia dengan sebenar-benarnya. Demikian juga dengan jalan itu dapat menghapuskan perasaan marah dan tidak puas hati fakir miskin kepada golongan-golongan yang kaya-raya, menghilangkan penderitaan orang tua yang tidak larat mencari sara hidup, menghidupkan perasaan belas-kasihan dan bertimbang rasa, serta membuktikan makna persaudaraan yang sebenar-benarnya.

### Orang Islam dan Khairat

Islam cukup memberatkan tentang soal berkhairat, tetapi kebanyakan orang-orang Islam telah menjauhkan diri daripada pertunjuk Illahi itu pada hal orang lain (yang bukan Islam) telah menurutnya. Mereka sekarang tegak menuduh orang Islam tidak menaruh belas kasihan lalu memalitkan perbuatan yang buruk itu kepada ajaran Islam, sambil mereka pula bermegah-megah dengan hasil derma mereka seperti sekolah-sekolah, hospital-hospital dan rumah-rumah miskin.

Tidakkah Islam teraniaya dengan perbuatan pemeluknya yang bakhil dan tidak menimbangrasa?

-Bersambung